# Kisah Kejayaan (Januari – Mac 2016)
# PI1M Taman Desa Kelisa, Hulu Yam Bharu

The purpose of this document is to provide a guide to the supervisors (manager or assistant manager) on the type of information required in the success stories found through Pusat Internet 1Malaysia (PI1M). Tujuan dokumen ini adalah untuk menyediakan panduan kepada penyelia-penyelia (pengurus atau penolong pengurus) bagi jenis maklumat yang diperlukan untuk Kisah Kejayaan yang ditemui melalui Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M).

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Name of PI1M**<br>**Nama PI1M** | PI1M Taman Desa Kelisa, Hulu Yam Bharu |
| **Location**<br>**Lokasi** | Mukim Hulu Yam, Batang Kali, Hulu Selangor |
| **Name of person(s)**<br>**Nama** | Raha Binti Abdul Razak |
| **Details of person (s)**<br>**Butiran diri** | Berusia : 42 tahun<br>Jantina : Perempuan<br>Pekerjaan : Usahawan Kosmetik dan Produk Penjagaan Diri<br>Alamat : No.6A Jalan Besar, Kg. Baru, Hulu Yam Bharu, 44300 Batang Kali, Selangor.<br>Facebook Page : Rahasura Enterprise<br>Program yang diikuti :<br>• Asas komputer<br>• Aplikasi internet dan email<br>• Program latihan keusahawanan<br>• Menghasilkan FB Page<br>• Menghasilkan kad perniagaan<br>• Menghasilkan risalah |
| **Success story**<br>**Kisah kejayaan** | ***Bagaimana anda menggunakan internet untuk mencapai kejayaan anda, sila huraikan cerita anda***<br><br>Saya menggunakan internet untuk membuat promosi produk jualan saya. saya merupakan ejen bagi produk avon, oli collection, syarikat menang dan lain-lain.<br><br>Menerusi internet, saya telah belajar menghasilkan sebuah fecebook page untuk perniagaan saya iaitu Rahasura Enterprise. Menerusi facebook tersebut, saya melakukan promosi produk dan menerima tempahan serta pertanyaan. Ini kerana, buat masa ini saya belum memiliki telefon pintar dan menggunakan |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | sepenuhnya perkhidmatan internet di Pusat Internet 1Malaysia sebagai langkah awal mengenal perniagaan secara online.<br><br>Secara tidak langsung, dengan penghasilan facebook page ini, membantu kenalan lama dan baru mengenali saya serta meningkatkan hasil jualan saya.<br><br>***Bagaimana anda memperbaiki hidup anda setelah mempelajari cara penggunaan internet.***<br><br>Menerusi pembelajaran penggunaan internet, serba sedikit membantu memperbaiki kehidupan saya dan keluarga.<br><br>Penghasilan kad perniagaan secara online, memudahkan saya untuk edit serta mencetak apabila diperlukan. Saya menggunakan kad perniagaan ini untuk edaran kepada rakan-rakan lama dan kenalan baru. Menerusi kad perniagaan tersebut, lebih ramai yang mengenali perniagaan saya dan membeli produk dengan saya.<br><br>Selain itu, saya juga turut mempelajari cara membuat risalah ringkas untuk edaran rumah ke rumah. Risalah yang dihasilkan adalah perkhidmatan memotong rumput dan kemasan luar rumah bagi sumber pendapatan tambahan suami saya. Hasil daripada risalah tersebut, suami saya menerima beberapa tempahan setiap bulan. Terdapat pelanggan sedia ada dan juga pelanggan baru. |
| **Keterangan gambar**<br>**Photo caption** | <br>Pn. Raha sedang mengedit imej secara online |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br>Pn. Raha membina Facebook Page perniagaan<br><br><br>Pn. Raha menghasilkan kad perniagaan secara online |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| | <br><br>Pn. Raha sedang menghasilkan risalah bagi perniagaan beliau dan suami<br><br><br>Pn. Raha bersama hasil kad perniagaan dan risalah yang dihasilkan |

| ITEM<br>JENIS | INFORMATION<br>MAKLUMAT |
|---|---|
| **Photo caption names<br>Keterangan gambar berserta nama** | *Tiada* |
| **Feedback<br>Maklumbalas** | ***Apakah pandangan pertama anda terhadap PI1M?***<br><br>Pusat Internet yang membantu golongan komuniti mempelajari menggunakan internet/komputer secara percuma. Membantu komuniti maju ke hadapan.<br><br>***Apakah tarikan utama anda untuk datang dan menggunakan kemudahan di PI1M?***<br><br>• Tarikan utama adalah, pembelajaran percuma.<br>• Caj perkhidmatan yang berpatutan dan selesa.<br>• Staff yang banyak memberi bantuan.<br><br>***Bagaimanakah cara PI1M dapat membantu bagi mencapai kejayaan individu/kumpulan lain?***<br><br>• Menyediakan perkhidmatan pendaftaran dan memperbaharui lessen syarikat perniagaan (SSM).<br>• Menyediakan program usahasama dengan organisasi pinjaman perniagaan. |

**PLEASE SUBMIT FULL WRITTEN SUCCESS STORY (MINIMUM 1 PAGE) & PHOTOS BASED ON THIS GUIDE TO THE CONTENT APPLICATION DEVELOPMENT DEPARTMENT**

**SILA KEMUKAKAN KISAH KEJAYAAN SECARA BERTULIS (MINIMUM 1 MUKA SURAT) & GAMBAR-GAMBAR BERDASARKAN PANDUAN YANG DIBERIKAN DAN DIHANTAR KE JABATAN PEMBANGUNAN APLIKASI KANDUNGAN**